

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH  
[ SETIU ]**

**TARIKH : KHAMIS, 11 JUN 2015**

**SOALAN:**

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [ Setiu ] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan mengapakah kerja-kerja membaik pulih dan mendalamkan muara-muara sungai Merang, Kampung Baru, Kampung Setiu Lama dan Setiu Baru tidak dijalankan dengan segera memandangkan Kerajaan Pusat telah meluluskan sebanyak RM10 juta sejak tahun 2014 lagi. Apakah sebenarnya kekangan dalam melaksanakan projek tersebut yang jelas merugikan rakyat tempatan khususnya bagi mereka yang bergantung kepada sungai tersebut sebagai punca pendapatan selain daripada hakisan tanah yang telah mengecilkan saiz tanah milik penduduk setempat.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan jangka pendek membaik pulih dan mendalamkan Muara Sungai Setiu telah dilaksanakan dengan Peruntukan Negeri sebanyak RM5 juta. Kajian teknikal sedang dijalankan oleh pihak NAHRIM untuk mencadangkan kerja baik pulih yang lebih berkesan sebelum peruntukan RM 10 juta di bawah Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM) disalurkan kepada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Pelaksanaan projek tersebut akan dijalankan setelah Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) menerima kajian tersebut. Walau bagaimanapun, peruntukan ICU, JPM tersebut tidak termasuk Muara Sungai Merang.

Sekian, terima kasih.